



KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (26 JULAI 2021) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) bimbang dengan peningkatan ketara kes COVID-19 dan kadar kematian yang tinggi sejak kebelakangan ini. Ianya tidak hanya disebabkan oleh kemunculan varian Delta COVID-19 yang lebih mudah berjangkit, tetapi juga disebabkan oleh mereka yang dengan sengaja mengabaikan Prosedur Operasi Standard (SoP) dan Garis Panduan Kerajaan, meskipun perintah kawalan pergerakan dan sekatan perjalanan masih dilaksanakan.

SUHAKAM memuji usaha Kerajaan dengan peningkatan ujian dan saringan serta kejayaan dalam meningkatkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dengan hampir setengah juta dos diberikan setiap hari pada masa ini. Pada 23 Julai 2021, Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) telah mengumumkan bahawa 71.9% golongan dewasa berumur 18 tahun ke atas yang menetap di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor, yang menyumbang kepada separuh daripada kes positif setiap hari, telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin. SUHAKAM mengulangi seruan agar Kerajaan menegakkan prinsip ‘Tiada Sesiapa yang Ketinggalan’, dengan memastikan pelarian dan migran tanpa dokumen dimasukkan ke dalam program imunisasi kebangsaan dan mengelakkan daripada mereka diancam dengan hukuman semasa mengambil vaksin.

Sehingga imuniti berkelompok dapat dicapai di seluruh negara, SUHAKAM ingin mengingatkan masyarakat untuk terus mengamalkan SoP yang telah menjadi amalan biasa kita semua. Usaha tanpa henti dan tidak berbelah bahagi oleh barisan hadapan sahaja tidak mencukupi untuk membebaskan kita daripada krisis ini. Tindakan atau sebaliknya, oleh setiap ahli komuniti dan masyarakat awam secara keseluruhannya adalah sama penting dalam menangani Pandemik ini. Penting untuk setiap orang, tidak kira kewarganegaraan atau status imigresen mereka, untuk mematuhi SoP termasuk mengelakkan perhimpunan secara besar-besaran, kontak rapat di ruangan tertutup atau perjalanan merentas negeri, bagi menghalang jangkitan daripada terus merebak.

Sementara usaha diteruskan untuk menangani pandemik ini dilakukan oleh pelbagai pihak, SUHAKAM menyeru supaya sokongan sewajarnya diberikan kepada barisan hadapan dan keluarga mereka, seperti pekerja penjagaan kesihatan, agensi penguatkuasaan, pekerja kontrak dan sukarelawan, bagi memastikan keselamatan dan kebajikan mereka dijaga dengan baik. Mereka perlu dibekalkan dengan kelengkapan pelindung diri (PPE), peralatan perlu dan juga manfaat lain dengan mengambil kira risiko yang dihadapi setiap hari dan juga sumbangan mereka yang tidak ternilai kepada negara dalam krisis ini. Baru-baru ini SUHAKAM telah menerima satu Memorandum daripada Gerakan Doktor-doktor Kontrak Malaysia berkenaan terma pengambilan kerja mereka. SUHAKAM berharap agar pihak yang terlibat dapat berbincang dan menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan dengan kadar segera kerana ianya merupakan isu kepentingan awam. Sebagai tambahan, SUHAKAM berharap agar Kementerian yang berkaitan akan mengambil langkah-langkah proaktif untuk menyediakan bantuan segera dan perancangan awal bagi

“Hak Asasi untuk Semua”

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi Suruhanjaya di 03-2612 5600



**KENYATAAN MEDIA
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

membangunkan semula industri kecil dan sederhana yang telah mengalami kerugian besar akibat daripada pandemik ini.

SUHAKAM menyambut baik pengumuman Kerajaan untuk menyambung semula sidang Parlimen, bermula dengan Mesyuarat Khas Dewan Rakyat Penggal Ketiga Parlimen Ke-14 2021 Dewan Rakyat yang berlangsung bermula hari ini, 26 Julai hingga 2 Ogos 2021, diikuti dengan Mesyuarat Pertama dan Kedua Penggal Keempat Parlimen Ke-14 2021 masing-masing bermula dari 6 hingga 30 September 2021 dan 25 Oktober hingga 16 Disember 2021. Sesi Sidang Parlimen ini amat penting dalam memastikan mekanisma semak imbang pentadbiran negara dijalankan dan memberikan ruang kepada Ahli Parlimen (MP) mengetengahkan dan membincangkan isu-isu berkaitan Rakyat yang semakin meruncing akibat Pandemik COVID-19.

-TAMAT-

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

26 Julai 2021

Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau shikin@suhakam.org.my

“Hak Asasi untuk Semua”

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi Suruhanjaya di 03-2612 5600